

TARIKH	JUMAAT, 19 DISEMBER 2025
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PENJAWAT AWAM TERBABIT 3 KESALAHAN BERAT AKAN DIBUANG KERJA, TURUN PANGKAT
M/S	2
BIDANG	CIVIL SERVICE, MANAGEMENT
KATA KUNCI	

Penjawat awam terbabit 3 kesalahan berat akan dibuang kerja, turun pangkat

JPA pandang serius kes hubungan sulit, gangguan seksual atau hubungan songsang

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penjawat awam yang terbabit dalam tiga kesalahan berat berkaitan hubungan sulit, gangguan seksual atau hubungan songsang berdepan tindakan tatatertib tegas termasuk buang kerja atau turun pangkat.

Pemakluman itu dinyatakan dalam Surat Edaran bertarikh 15 Disember yang ditandatangani Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Wan Ahmad Dahlan berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memandang serius terhadap sebarang pembabit pegawai awam dalam kegiatan menyalahi undang-undang.

"Tiga kesalahan berat perlu diberi perhatian serius termasuk melakukan hubungan sulit atau khalwat, iaitu sebarang bentuk perbuatan berdua-duaan atau berada bersama antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram di tempat tersorok atau tertutup sehingga menimbulkan syak serta berpotensi membawa kepada perlakuan tidak bermoral.

"Begitu juga kesalahan seksual sama ada secara lisan, isyarat, visual, psikologi, atau fizikal serta hubungan songsang sesama jenis, iaitu pembabit dalam hubungan terlarang homoseksual atau lesbian," katanya dalam surat edaran itu.

Surat edaran itu ditujukan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) serta semua Ketua Setiausaha Kementerian; Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan; Ketua Jabatan Persekutuan; Setiausaha Kerajaan Negeri; Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan; Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Ketua Pengu-

Pegawai awam wajib mempamerkan keperibadian yang luhur demi membina kepercayaan rakyat terhadap kerajaan

Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz,
Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam



rusan Pihak Berkuasa Tempatan untuk dipanjenkan kepada kakitangan di bawah seliaan masing-masing.

Wan Ahmad Dahlan berkata, pembabit pegawai awam dalam salah laku berkenaan boleh memberikan impak negatif yang besar kepada institusi kerajaan kerana ia berpotensi mengakisbatkan kepercayaan rakyat terhadap.

"Rakyat meletakkan harapan tinggi kepada pegawai awam sebagai golongan berintegriti. Salah laku moral peribadi pegawai akan dilihat sebagai kegagalan institusi kerajaan dalam menerapkan nilai murni.

"Pembabit penjawat awam dalam kegiatan tidak bermoral boleh mewujudkan persepsi negatif dan pada era teknologi maklumat, berita mengenai salah laku pegawai awam seperti tangkapan khalwat atau salah laku seksual tersebar dengan pantas dan viral.

"Penularan pantas ini mengundang kemarahan masyarakat yang melabelkan keseluruhan perkhidmatan awam tidak bermoral ibarat 'akibat nila setitik rosak susu sebelanga'," katanya.

Kerajaan tak berkompromi

Selain itu katanya, seseorang pegawai yang terpalit dengan skandal moral akan hilang kewibawaan dan kredibiliti untuk memimpin, menguatkuasakan undang-undang atau melayani masyarakat sekali gus menjejaskan penyampaian perkhidmatan.

"Sehubungan itu, kerajaan tidak sama sekali berkompromi dengan mana-mana pegawai yang didapati bersalah melakukan kegiatan-tiga kesalahan itu.

"Tindakan tatatertib yang te-

gas akan diambil, termasuk boleh dihukum sehingga dibuang kerja atau diturunkan pangkat sekiranya disabit kesalahan.

"Ketua Jabatan dinasihatkan agar memantau dan mengambil tindakan segera sekiranya terdapat laporan atau aduan berkaitan dengan salah laku ini," katanya.

Wan Ahmad Dahlan berkata, kewajipan menjaga tatakelakuan itu selaras prinsip tatakelola baik di bawah aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan rukun Keyakinan dan Hormat.

"Pegawai awam wajib mempamerkan keperibadian yang luhur demi membina kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

"Justeru, setiap pegawai awam hendaklah sentiasa menunjukkan keperibadian unggul dan nilai moral yang tinggi sebagai komitmen kerajaan dalam memelihara amanah awam serta mendukung aspirasi Malaysia MADANI," katanya.

Katanya, semua pegawai awam diingatkan mematuhi peraturan dan menjaga tatakelakuan semasa atau di luar waktu bertugas.

"Peringatan ini dikeluarkan susulan peningkatan laporan salah laku membabitkan pegawai awam yang tular sehingga boleh mencemarkan keseluruhan imej perkhidmatan Awam.

"Berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa, semua pegawai awam tertakluk kepada Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U.(A) 395/1993) yang antara lain, perenggan 42(d) menetapkan seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam," katanya.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S12), BPM 2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	--